

Merbok & Jerai

Sejarah yang Berbisik

Editor
Syazliyati Ibrahim



Hakcipta terpelihara © 2018 Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan nisip kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara jua sama ada secara elektronik,fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Rektor, UiTM Cawangan Kedah, 08400, Merbok, Kedah, Malaysia.

Editor : Syazliyati Ibrahim
Rekabentuk kulit buku : Asrol Hasan
Susunatur : Asrol Hasan

ISBN 9789670314396

Cetakan oleh: Perpustakaan Sultan Badlishah
Universiti Teknologi MARA Kedah,
08400 Merbok,
Kedah,
Malaysia.

PENGHARGAAN

Proses dokumentasi hasil penyelidikan yang dijalankan di sekitar Merbok dan Gunung Jerai ini tidak akan berjaya tanpa sokongan padu daripada pelbagai pihak sama ada individu ataupun institusi. Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih dihulurkan kepada:

- 1 Kerajaan Negeri Kedah Darulaman.
- 2 Dato'Tajul Urus Mat Zain, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengangkutan dan Badan-badan Bukan Kerajaan Negeri Kedah
- 3 Rektor, UiTM Cawangan Kedah. Dr. Asmadi Mohammed Ghazali
- 4 Penduduk-penduduk Kampung Bujang, Kampung Segantang Garam, Kampung Kuala Segantang Garam, Semeling, Gunung Jerai, Kampung Bukit Acheh, Tanjung Dawai dan Kampung Acheh.

ISI KANDUNGAN

MERBOK DAN JERAI : SEJARAH YANG BERBISIK

Muka Surat

Penghargaan	i
Kata-kata aluan	iv
Pengenalan	vii
BAB 1	1
Islam di Kedah: Fajar Iman Nusantara <i>Ahmad Yumni Abu Bakar</i> <i>Maznah Wan Omar</i>	
BAB 2	9
Tanjung Dawai : Antara Lautan dan Kehidupan <i>Maznah Wan Omar</i> <i>Mazlifa Md Daud</i> <i>Norhayati Ismail</i>	
BAB 3	31
Ada Apa Pada Nama? Ceritera Yang Terungkap Disebalik Asal Usul Nama Kampung di Dewan Undangan Negeri Tanjung Dawai <i>Syakirah Mohammed</i> <i>Syatirah Abu Bakar</i> <i>Sarah Sabir Ahmad</i> <i>Nur Irinah Mohd Sirat</i>	
BAB 4	42
Ban Merbok : Cahaya di Dalam Kegelapan <i>Syazliyati Ibrahim</i> <i>Fathiyah Ahmad Jali</i> <i>Azfa hanee Zakaria</i> <i>Azni Syafena Andin Salamat</i> <i>Asrol Hasan</i>	
BAB 5	53
Jejak Acheh di Yan : Singkapan Semangat dan Amanat <i>Nor Suhaiza Md Khalid</i> <i>Zarina Mohd Zain</i> <i>Suzei Mat Nurudin</i>	
BAB 6	65
Permainan Tradisional Merbok – Nilam Pusaka Bangsa <i>Azfa hanee Zakaria</i> <i>Asrol Hasan</i> <i>Syazliyati Ibrahim</i> <i>Azni Syafena Andin Salamat</i> <i>Fathiyah Ahmad Jali</i>	
BAB 7	75
Rimbunan Hijau : Khazanah Herba Alam di Merbok <i>Azyyati Anuar</i> <i>Firdaus Abdul Rahman</i> <i>Suhardi Hamid</i>	

BAB 8	Komuniti Cina di Merbok : Keringat Emas di Lembah Bertuah <i>Lee Chai Chuen</i> <i>Nor Azrina Mohd Yusof</i>	81
BAB 9	Gunung Jerai : Pasak Utuh Jelapang Padi <i>Fathiyah Ahmad Jali</i> <i>Azlan Abd Rahman</i> <i>Zaidi Yusoff</i> <i>Asmadi Mohammed Ghazali</i>	97
Kesimpulan		104
Senarai Penulis		106

KATA – KATA ALUAN

Sekapur Sireh
YB. Dato' Haji Tajul Urus Haji Mat Zain
Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan
Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman



Menyingkap sejarah dan menyoroti peristiwa yang melingkari kehidupan sehari-hari sesebuah masyarakat itu merupakan sesuatu yang harus dilakukan oleh kita. Sejarah membawa diri kita ke satu dimensi lalu yang bukan sahaja memberi peringatan bahkan menjadi agen kesedaran dalam memacu masa hadapan. Penelitian kepada sejarah merupakan sesuatu yang penting terutamanya dalam keadaan masyarakat lebih tertumpu kepada aspek pembangunan masa hadapan sahaja.

Penerbitan Buku Sejarah Yang Berbisik merupakan satu inisiatif terbaik dalam memaparkan sejarah-sejarah negeri Kedah Darul Aman, terutamanya di kawasan Tanjung Dawai, Merbok dan Jerai, kepada khalayak pembacanya. Soroton sejarah yang dicanaikan secara santai dan bersahaja ini pastinya mampu menarik perhatian segenap kelompok pembaca dan pastinya juga mampu menarik minat golongan muda untuk menghayatinya.

Jutaan tahniah dan segunung penghargaan dirakamkan kepada Sidang Editorial Sejarah Yang Berbisik atas penerbitan makalah sejarah ini. Barisan penulis dan editor Sejarah Yang Berbisik telah, secara hebatnya, mempersembahkan corak penulis kreatif dan menarik untuk menjadikan naskah ilmu ini diterima ramai. Pastinya kerjasama antara Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah tidak akan terhenti di sini dan akan berlanjutan demi memastikan kelangsungan pembangunan medan ilmu di Negeri kedah akan berterusan.



Seulas Pinang
YBhg. Dr Asmadi Mohammed Ghazali
Rektor
UiTM Cawangan Kedah

Sejarah dan kisah yang melatari sesebuah bangsa merupakan satu bidang ilmu pengetahuan yang harus diselidiki secara sistematik dan menyeluruh. Pengamatan nilai sejarah pastinya akan membantu kepada pengertian secara keseluruhan mengenai perkembangan kehidupan mahupun masyarakat dan nilai kemanusian di masa lampau yang boleh dijadikan panduan kepada perencanaan masa hadapan.

Inisiatif Barisan Penulis Buku dan Sidang Editorial Sejarah Yang Berbisik untuk menghasilkan sebuah naskah ilmu yang menghimpunkan pelbagai kisah sejarah, baik yang telah dikenali mahupun tidak, merupakan satu inisiatif terbaik dan murni dalam membantu kepada pemupukan nilai cintakan sejarah dan negara. Pastinya khalayak pembaca akan terpikat dengan corak penyampaian nilai sejarah secara santai seolah-olah sedang pembaca sebuah cerita pendek rakyat. Bahan bacaan ringan yang padat dengan nilai sejarah dan kekitaan. Tahniah diucapkan kepada semua.

Kerjasama dan dorongan daripada pihak Kerajaan Negeri Kedah terutamanya Jawatankuasa Pendidikan Negeri Kedah Darul Aman pastinya akan mendorong kepada penghasilan lebih banyak makalah-makalah ilmu sejarah yang akan membantu kepada penghasilan komuniti masyarakat yang menyanjung nilai sejarah bangsa dan negaranya. Besar harapan agar kerjasama sebegini akan berterusan tanpa henti dan pastinya selepas ini akan lebih banyak medan ilmu dan sesi perkongsian pengetahuan akan terhasil.



Suatu Refleksi

PROF. DR. MAZNAH WAN OMAR
Pengerusi
SIG PICE (Special Interest Group – Public
Interest Centre of Excellence)
UiTM Cawangan Kedah

Kedah merupakan sebuah negeri yang amat kaya dengan sejarah dan menyimpan pelbagai misteri. Asal-usul negeri ini telah bermula berabad lamanya dengan penemuan-penemuan arkeologi yang baharu yang telah membuktikan keutuhan dan kedaulatan negeri Kedah di persada sejarah. Daerah Merbok dan Gunung Jerai merupakan kawasan utama yang mempengaruhi susur galur kewujudan negeri Kedah. Sehingga kini, kawasan Merbok dan Gunung Jerai masih mempunyai tarikan yang tersendiri disebabkan penemuan penting khazanah sejarah dunia seperti candi-candi Lembah Bujang sehinggalah penemuan yang lebih terkini, iaitu penempatan penduduk dan aktiviti sosial mereka di Sungai Batu.

Memandangkan kedua-dua daerah ini sudah terkenal dengan sejarah yang disokong dengan bukti-bukti arkeologi, kehidupan masyarakat di kedua-dua kawasan tersebut sudah pastinya turut berubah mengikut peredaran zaman. Oleh yang demikian, kumpulan penyelidik UiTM Cawangan Kedah, iaitu SIG PICE (Special Interest Group – Public Interest Centre of Excellence) merasakan adalah penting untuk mendokumentasikan aspek-aspek kehidupan masyarakat yang mungkin tidak dapat dibuktikan dari sudut arkeologi. Contoh-contoh aspek kehidupan tersebut seperti cerita asal-usul nama tempat, aktiviti permainan dan rekreasi serta individu-individu yang berjasa yang mungkin tidak dapat dikesan dengan hasil carigali arkeologi. Sehubungan itu, dengan bantuan Dana daripada Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman, kumpulan ini telah menjalankan penyelidikan dengan merekodkan sejarah lisan daripada penduduk sekitar Merbok dan Jerai untuk memastikan kesinambungan sejarah negeri ini tidak sahaja bergantung kepada bukti arkeologi.

Kisah-kisah yang dikutip daripada penduduk-penduduk kampung di daerah Merbok dan Gunung Jerai yang dibukukan di sini terdiri daripada kisah-kisah yang unik berdasarkan pengalaman hidup mereka seawal tahun 1900 sehingga sekarang. Pelbagai topik yang tersemat di hati penduduk kampung antaranya ialah Islam di Kedah, pembangunan Tanjung Dawai, kesan projek Ban Merbok, komuniti Cina di Semeling sehingga kepada simbol Gunung Jerai kepada rakyat Kedah telah digarapkan di dalam buku ini. Harapan para penyelidik supaya hasil penyelidikan yang diterbitkan dalam bentuk bab dalam buku ini dapat membantu para pembaca mengetahui negeri Kedah amnya dan daerah Merbok dan Jerai khasnya dengan lebih dekat. Sejarah kehidupan penduduk yang dinukilkan ini diharapkan juga kekal menjadi rujukan dan sentiasa berbisik di hati pembaca, bukan lagi hanya berbisik di jiwa penduduk kampung yang akhirnya hilang ditelan kemodenan jika tidak direkodkan.

PENGENALAN

Kompilasi kisah-kisah yang dikumpul daripada orang-orang kampung sekitar Merbok dan Jerai ini dimulakan dengan nukilan kisah *Islam di nusantara*. Negeri Kedah merupakan negeri di Nusantara yang menerima Islam lebih awal dari negeri Melaka (1414M), Terengganu (1303M) dan negeri-negeri yang wujud di Semenanjung Tanah Melayu. Islam telah bertapak di negeri ini sekitar tahun 1136M bersamaan 531H. Tokoh yang bertanggungjawab dalam menyebarkan Islam dan mengislamkan Maharaja Kedah ialah seorang ulama yang berasal dari negeri Yaman. Teori kedatangan Islam ke Kedah menunjukkan bahawa Islam telah bertapak di Kedah lebih awal dari negeri-negeri lain di Malaysia. Demikian juga halnya jika berdasarkan kepada catatan ahli sejarah seperti bukti-bukti batu nisan yang telah ditemui, bukti kewujudan alim ulama dan institusi pondok yang dibangunkan dan sebagainya Bab ini juga membahaskan mengenai asal-usul nama Kedah, kerajaan yang memerintah Kedah, lokasinya, Gunung Jerai, tokoh pengasas kerajaan Kedah Tua dan tokoh ulama yang mengislamkan Maharaja Kedah dan rakyatnya serta pemerintahan putera-putera Sultan Muzaffar Shah I dengan lebih mendalam. Perbincangan terakhir diteruskan dengan topik kedatangan Islam ke Kedah lebih awal dari Melaka dan negeri-negeri semenanjung Tanah Melayu.

Seterusnya, bab *Tanjung Dawai – antara laut dan kehidupan*, mengupas keadaan kehidupan penduduk Tanjung Dawai dari segi kegiatan ekonomi dan infrastruktur yang ada untuk kegunaan penduduk tempatan dan pelancong. Tanjung Dawai merupakan satu kawasan muara sungai dengan kebanyakan penduduknya bekerja sebagai nelayan, peniaga, pengusaha makanan laut, dan pengeluar produk hasilan laut. Arked Tanjung Dawai dibina dengan tujuan untuk memberi peluang kepada penduduk tempatan bermiaga hasilan laut yang diperoleh daripada lautan luas. Infrastruktur asas seperti sekolah, pengangkutan awam, masjid, dan persekitaran Tanjung Dawai juga turut dikupas secara ringkas.

Selain itu, kisah-kisah di sebalik nama-nama kampung di Dewan Undangan Negeri Tanjung Dawai, Kedah juga berjaya direkodkan hasil daripada temu ramah dengan penduduk kampung. Antaranya ialah *Ada Apa Pada Nama? Ceritera Yang Terungkap Di sebalik Asal-Usul Nama Kampung di Dewan Undangan Negeri Tanjung Dawai*. Nama-nama kampung ini mempunyai keunikan yang tersendiri. Nama sesuatu tempat kadangkala mempunyai konteks sejarah yang harus dipelihara. Nama sesuatu tempat juga boleh menggambarkan sifat-sifat persekitaran asal yang kini mungkin telah berubah ditelan arus masa dan kemodenan. Hal ini juga boleh memberi gambaran kekayaan warisan, budaya, aktiviti ekonomi, dan identiti masyarakat terdahulu. Asal-usul nama-nama kampung di Merbok dan Bujang yang diperoleh daripada cerita-cerita lisan penduduk-penduduk kampung wajar dicatatkan sementara mereka yang mempunyai pengetahuan tentangnya masih hidup dan sebelum asal-usul tersebut dilupakan.

Kepayahan dan kesusahan hidup penduduk Kedah pada suatu masa dahulu juga direkodkan dalam bab *Ban Merbok: Cahaya di Dalam Kegelapan*. Pada zaman 1960-an, terdapat sebuah projek kerajaan negeri yang dinamakan Projek Ban Merbok. Dahulunya, projek ini dikenali sebagai Program Pamah Kerajaan. Projek ini telah dikendalikan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Cawangan Kuala Muda, Kedah. Keistimewaan projek ini melibatkan tebus guna tanah di kawasan air masin yang merangkumi kawasan seluas 100 km persegi dan melibatkan 56 mukim. Antara kawasan yang terlibat ialah Merbok, Sungai Baru, dan Bujang. Kisah Ban Merbok dan Kampung Kuala Segantang Garam ini wajar direkodkan bukan hanya atas dasar sebuah projek tebus guna kerajaan. Perkara yang perlu dipelajari di sebalik kisah penerokaan projek Ban Merbok ini sebenarnya adalah tentang kehidupan insan yang dibelenggu kesusahan hidup dan kesanggupan mereka untuk bekerja keras menyahut seruan pihak kerajaan untuk membuka atau memugar satu kawasan hutan paya bakau yang penuh cabaran semata-mata untuk memperoleh kehidupan yang lebih baik.

Seterusnya, semangat dan jati diri masyarakat Acheh turut dikupas dalam bab ***Jejak Acheh di Yan: Singkapan Semangat dan Amanat***. Kehidupan masyarakat Acheh di Yan, Kedah telah bermula semenjak tahun 1888 lagi. Ada di kalangan mereka yang telah melepas generasi keempat atau kelima yang menetap di Kampung Acheh. Namun, bagi sebilangan kecil masyarakat Acheh yang terdiri daripada generasi ketiga; mereka masih kekal dan kukuh dengan bahasa dan budaya Acheh walaupun telah berlaku asimilasi dengan masyarakat Melayu Kedah. Menelusuri sejarah kedatangan mereka ke Tanah Melayu, terdapat dua versi berbeza yang dapat dikaitkan dengan hal tersebut. Versi pertama merujuk kepada penghijrahan mereka ke daerah Yan pada sekitar kurun ke-18. Versi kedua pula menceritakan sebahagian orang Acheh yang turut sama berhijrah telah mendarat di Langkawi. Masyarakat Acheh sangat kuat berpegang teguh kepada ajaran Islam sehingga mereka membina sebuah sekolah agama seusai kedatangan mereka di Yan. Masyarakat Acheh juga mewarisi keunikan budaya mereka tersendiri, di samping turut aktif bekerjasama mewujudkan gerakan perniagaan bagi mengukuhkan ekonomi mereka. Pelbagai aktiviti telah direncanakan oleh masyarakat Acheh di Yan antaranya penerbitan buletin yang dikenali dengan nama Narit Geutanyo, penulisan kamus Bahasa Acheh-Bahasa Malaysia-Bahasa Acheh, dan pembinaan galeri.

Hasil temu teramah seterusnya direkod dalam bab ***Permainan Tradisional Merbok – Nilam Pusaka Bangsa***. Antara aktiviti masa lapang yang digemari oleh segenap lapisan masyarakat terutama pada zaman sebelum alaf baharu ialah permainan berkumpulan. Permainan berkumpulan yang popular terutama di kalangan kanak-kanak lebih bersifat tradisional kerana turut digemari oleh kanak-kanak pada zaman dahulu. Di Merbok, terdapat beberapa permainan yang amat popular pada zaman 1950-an tetapi sayangnya hampir tidak dikenali oleh generasi pada zaman ini kerana pengaruh perkembangan teknologi terutamanya permainan berteknologi. Oleh itu, langkah untuk mendokumentasikan pelbagai jenis permainan tradisional yang semakin pupus ditelan zaman ini dirasakan amat penting supaya generasi masa hadapan dapat mengenali warisan yang ditinggalkan oleh generasi terdahulu. Antara permainan tradisional yang dimainkan oleh penduduk kawasan Merbok ialah permainan sole, permainan tuju ayam, permainan poroq, dan permainan kawaq.

Bab ***Rimbunan hijau: khazanah herba alam di Merbok*** pula merekodkan maklumat tentang tumbuh-tumbuhan yang meliar di sekitar Merbok tetapi mempunyai pengaruh yang besar dalam kehidupan masyarakat kampung. Merbok merupakan kawasan yang terdiri daripada pelbagai bentuk muka bumi seperti kawasan tanah pamah, sawah padi, dusun dan kebun getah, paya bakau, rimba belantara dan kaya dengan pelbagai pokok dan tumbuh-tumbuhan. Bagi menelusuri dengan lebih dekat pokok dan tumbuh-tumbuhan yang terdapat di sekitar Merbok, temu bual bersama dengan penduduk tempatan dijalankan bagi mendapat gambaran yang sebenar tentang keunikan sejarah, fungsi, dan khasiat di sebalik nama-nama pokok yang tidak pernah dirungkai sebelum ini.

Bab ***Komuniti Cina di Merbok: Keringat emas di lembah bertuah*** pula merupakan sebuah kisah sejarah kedatangan orang Cina ke Pekan Merbok, Kedah. Kesusahan hidup, terpaksa meninggalkan anak isteri di negara sendiri, dan bersendirian di lembah bertuah mengajar kaum Cina yang datang berhijrah ke Tanah Melayu untuk lebih berusaha dan cekal bagi memastikan generasi seterusnya dapat hidup dengan lebih selesa pada masa hadapan. Berpandukan kepada prinsip, ‘biar miskin kehidupan, jangan miskin pendidikan’, pembukaan sekolah pendidikan Cina di Tanah Melayu membuktikan kaum Cina mementingkan pendidikan agar generasi mereka di Tanah Melayu masih dapat mempelajari dan mewarisi kebudayaan serta asal-usul nenek moyang mereka. Kelahiran seorang tokoh pendidikan Cina di Pekan Merbok telah menjadikan lembah bertuah ini terkenal di kalangan masyarakat Cina seluruh Malaysia. Jasa dan sumbangan mendiang Dato’ Lee Sing Chooi dalam bidang pendidikan Cina menjadikan beliau seorang tokoh pendidikan yang disanjungi di kalangan penduduk Cina di Pekan Merbok ini.

Akhir sekali, bab ***Gunung Jerai: Pasak Utuh Jelapang Padi*** merekodkan keunggulan simbol Gunung Jerai kepada penduduk Kedah khususnya yang tinggal di sekitar kaki gunung tersebut. Puncak tertinggi di negeri Jelapang Padi ini yang berdiri teguh pada ketinggian 1,217 meter dari paras laut merupakan salah sebuah pelabuhan entrepot yang gemilang satu masa dahulu. Perbincangan bakal berkisar kepada tiga domain utama, iaitu sumbangan Gunung Jerai kepada nilai ekonomi, hidup dan alam sekitar serta signifikan kewujudannya kepada masyarakat sekitar, khususnya dan seluruh warga Kedah, amnya.

KOMUNITI CINA DI MERBOK: KERINGAT EMAS DI LEMBAH BERTUAH

Lee Chai Chuen

Jabatan Pengajian Bahasa

Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Kampus Merbok

lcc76@kedah.uitm.edu.my

Nor Azrina Mohd Yusof

Fakulti Perakaunan

Universiti Teknologi MARA Malaysia

yina1437.yn@gmail.com

PENGENALAN

‘Komuniti Cina di Merbok: Keringat emas di lembah bertuah’ merupakan sebuah kisah sejarah kedatangan orang Cina ke Pekan Merbok, Kedah. Kesusahan hidup, terpaksa meninggalkan anak isteri di negara sendiri dan bersendirian di lembah bertuah mengajar kaum Cina yang datang berhijrah ke Tanah Melayu untuk lebih berusaha dan cekal bagi memastikan generasi seterusnya dapat hidup dengan lebih selesa pada masa hadapan. Berpandukan kepada prinsip, ‘biar miskin kehidupan, jangan miskin pendidikan’, pembukaan sekolah pendidikan Cina di Tanah Melayu membuktikan kaum Cina mementingkan pendidikan agar generasi mereka di Tanah Melayu masih dapat mempelajari dan mewarisi kebudayaan serta asal-usul nenek moyang mereka. Kelahiran seorang tokoh pendidikan Cina di Pekan Merbok telah menjadikan lembah bertuah ini terkenal di kalangan masyarakat Cina seluruh Malaysia. Jasa dan sumbangan mendiang Dato’ Lee Sing Chooi dalam bidang pendidikan Cina menjadikan beliau seorang tokoh pendidikan yang disanjungi di kalangan penduduk Cina di Pekan Merbok ini.

KOMUNITI CINA DI PEKAN MERBOK

Kedatangan orang Cina ke Tanah Melayu telah bermula sejak abad ke-19. Di negeri Kedah, khasnya Pekan Merbok, kemasukan orang Cina beramai-ramai dianggarkan berlaku pada tahun 1910, iaitu setahun selepas Perjanjian Bangkok 1909. Perjanjian Bangkok 1909 ini telah menyebabkan kerajaan Siam (kini dikenali sebagai Thailand) menyerahkan negeri-negeri di bawah naungannya, iaitu Kedah, Perlis, Kelantan, dan Terengganu kepada pemerintahan Inggeris. Di bawah pemerintahan Inggeris, dasar pintu terbuka kepada orang-orang Cina dan India telah menyebabkan kemasukan beramai-ramai orang Cina ke Tanah Melayu secara amnya, dan khususnya di Pekan Merbok, Kedah. Faktor penolak seperti keadaan politik dan sosial di negara China merupakan punca utama penghijrahan beramai-ramai kaum Cina terutamanya dari wilayah China Selatan seperti Guangdong, Guangxi dan Fujian ke Tanah Melayu sehingga sanggup meninggalkan isteri dan anak-anak. Tambahan pula, pada zaman pemerintahan Inggeris, pihak penjajah mengamalkan konsep kolonialisme yang meneroka dan mengeksplotasikan hasil bumi Tanah Melayu untuk kepentingan mereka (Abdul Karim, 2009). Demi merealisasikan kepentingan mereka, pihak Inggeris telah membawa masuk orang-orang Cina dan India ke Tanah Melayu sebagai pelombong bijih timah, buruh, penoreh getah dan peniaga untuk menjana ekonomi kepada mereka.

Kedatangan orang Cina ke Pekan Merbok, Kedah dapat dilihat dengan penubuhan dua buah sekolah pendidikan Cina. Pada tahun 1928, Sekolah Rendah Zhen Hwa telah ditubuhkan bagi memberikan pendidikan kepada kaum Cina dengan diikuti oleh Sekolah Rendah Pei Hwa pada tahun 1929. Walaupun tiada rekod rasmi yang mencatatkan tarikh sebenar kedatangan orang Cina di Kedah, berdasarkan temubual daripada lima orang penduduk generasi kedua di Merbok, Kedah, mereka bersepakat menyatakan bahawa ibu bapa mereka telah datang ke Merbok sebelum tahun 1928, dan dipercayai sebahagian daripada mereka telah datang ke Kedah di antara tahun 1900 hingga 1910. Perkara ini dapat disahkan oleh Tai (2013) yang menyatakan bahawa mendiang nenek beliau, iaitu Puan Chan Seong Lan merupakan salah seorang migran yang berhijrah dari wilayah China Selatan ke Sungai Petani, Kedah. Menurut Tai (2013), mendiang nenek beliau telah menetap di Sungai Petani, Kedah sehingga beliau meninggal dunia pada tahun 2010 pada usia 105 tahun. Justeru, dianggarkan bahawa mendiang nenek beliau dan juga orang Cina yang lain telah datang ke Kedah seawal tahun 1905.

Penempatan awal orang Cina di Kedah adalah secara berselerak. Hal ini dikatakan demikian kerana menurut Liew (temubual peribadi, 27 September 2014) yang kini telah berusia 72 tahun, sebelum zaman pejajahan Inggeris, penduduk bebas memilih kawasan dan keluasan tanah untuk dijadikan tapak penempatan. Saiz keluasan tanah bergantung kepada sikap rajin penduduk untuk meneroka tempat tersebut. Walau bagaimanapun, selepas penjajahan Inggeris pada tahun 1909, sistem geran tanah telah diperkenalkan bagi urusan pemilikan tanah. Melalui temubual, didapati bahawa orang Cina yang datang ke Merbok menetap di Pekan Lama, Merbok. Kelima-lima penduduk yang telah ditemubual menyatakan bahawa ibu bapa mereka berasal dari Guangdong dan Fujian, dua buah wilayah dari China Selatan. Asal usul kedatangan orang Cina dari wilayah China Selatan ini selari dengan pendapat Tai (2013) yang menyatakan bahawa kebanyakan orang Cina yang berhijrah ke Tanah Melayu berasal dari wilayah China Selatan.

Pada zaman penjajahan Inggeris, penempatan tiga kaum utama, iaitu Melayu, Cina, dan India telah diasingkan berdasarkan corak ekonomi masing-masing. Kaum Cina diletakkan di kawasan bandar dan lombong bijih timah, bersesuaian dengan aktiviti perniagaan dan juga perlombongan. Pelaksanaan agihan penempatan ini bertujuan untuk menghapuskan perpaduan antara tiga kaum utama ini. Namun begitu, disebabkan ketiadaan pemilikan geran tanah, para penduduk Cina terawal di Pekan Lama, Merbok membina penempatan secara berselerak berdasarkan kepada saiz kawasan tanah yang dapat diteroka dan diusahakan oleh mereka. Penempatan yang berselerak ini telah menyukarkan pihak Inggeris untuk memantau pergerakan orang Cina daripada berhubung dengan pihak komunis pada zaman tersebut. Justeru, pada awal tahun 1953, pihak Inggeris telah mengarahkan penduduk Cina di Pekan Lama, Merbok untuk berpindah ke kawasan baru.

Terdapat dua tujuan utama arahan perpindahan ke kawasan baru. Menurut Liew (temubual peribadi, 27 September 2014), pertama, pihak Inggeris dapat mengawal pergerakan orang Cina dan komunis dengan mengumpulkan mereka dalam satu kawasan yang sama. Kedua, pihak Inggeris dapat meneroka tempat baru. Secara tidak langsung penerokaan tempat baru sememangnya memberikan keuntungan kepada pihak Inggeris semata-mata kerana mereka dapat mengeksplotasikan hasil bumi Tanah Melayu. Bagi tujuan tersebut, pihak Inggeris telah menawarkan lima kawasan baru, iaitu Kampung Baru Merbok (kini dikenali sebagai Pekan Merbok), Bedong, Semeling, Sungai Layar, dan Padang Lembu. Bagi menjayakan rancangan tersebut, pihak Inggeris juga telah menawarkan 5 hektar tanah kepada para penduduk Cina yang hendak berpindah ke Kampung Padang Lembu (Lim, temubual peribadi, 27 September 2014). Walaupun di sekeliling Kampung Padang Lembu telah dipasangkan pagar tinggi untuk menjaga keselamatan penduduk, rata-rata penduduk memilih Kampung Baru Merbok kerana pihak komunis masih bebas berleluasa di sekitar Kampung Padang Lembu. Namun begitu, terdapat juga sebilangan kecil orang Cina yang berpindah ke Kampung Padang Lembu. Tidak dapat dinafikan, menurut Lim (temubual peribadi, 27 September 2014) yang kini telah berusia 69 tahun, orang Cina yang berpindah ke Kampung Padang Lembu telah menjalani kehidupan mewah pada zaman sekarang kerana di samping dapat memiliki tanah percuma sebanyak 5 hektar, mereka juga mempunyai ladang getah. Seperti di Kampung Padang Lembu, pihak Inggeris juga telah memasang pagar tinggi di sekeliling Kampung Baru, Merbok.

Menurut beliau, ibunya telah berkahwin dengan ayahnya, penduduk Cina di Pekan Lama, Merbok pada tahun 1952, ketika beliau berusia 22 tahun. Selepas perpindahan orang Cina ke Kampung Baru, Merbok, Pekan Lama kini telah menjadi penempatan kaum Melayu sehingga sekarang.

Liew (temubual peribadi, 27 September 2014) menceritakan pengalaman beliau selepas perpindahan ke Kampung Baru, Merbok pada tahun 1953. Bagi mengelakkan penduduk dari berhubung dengan pihak komunis, pihak Inggeris telah menetapkan bahawa kegiatan harian penduduk akan berakhir sebelum pukul 7 malam. Hal ini demikian kerana pihak Inggeris akan mengunci pintu pagar utama selepas pukul 7 malam. Maka, tiada sebarang aktiviti berjalan selepas pukul 7 malam dan kebanyakan waktu tidur mereka akan bermula pada pukul 7 malam. Sekiranya terdapat penduduk yang pulang lewat daripada pukul 7 malam, mereka tidak dibenarkan masuk dan terpaksa tidur di luar pagar.

Pada zaman jajahan Inggeris, pembelian barang keperluan seperti beras adalah dengan menggunakan kupon. Sebelum tahun 1954, para penduduk menggali telaga bagi keperluan bekalan air. Menurut Liew (temubual peribadi, 27 September 2014), terdapat sebahagian penduduk mengupah orang kampung untuk menggali telaga dengan bayaran sebanyak 60 sen bagi telaga yang bersaiz 1 meter lebar dan 2 meter dalam. Berbanding dengan zaman sekarang yang menggunakan jentolak pengkaut untuk menggali telaga, mereka hanya menggunakan cangkul untuk menggali telaga. Bagi kemudahan bekalan elektrik pula, kebanyakan rumah penduduk menggunakan lampu minyak tanah manakala bagi sistem pembuangan najis pula, penduduk pada zaman tersebut hanya menggunakan tin minyak yang ditebuk untuk djadikan mangkuk tandas. Kampung Baru Merbok hanya mempunyai bekalan elektrik pada tahun 1976. Dari segi pengangkutan pula, para penduduk kebanyakannya menggunakan basikal ataupun berjalan kaki. Penggunaan motosikal hanya bermula pada tahun 1960 selepas diperkenalkan oleh seorang tauke kaya Cina, iaitu Encik Lok Boon Siew.




Gambar 8.1: Contoh tin minyak yang digunakan sebagai tandas harian mereka



Gambar 8.2: Lampu minyak tanah yang digunakan sebelum tahun 1976

Gambar 8.3: Perigi yang pernah digunakan pada zaman dahulu masih digunakan lagi oleh pemilik asal



KEGIATAN EKONOMI PENDUDUK CINA

Pada zaman dahulu, kegiatan ekonomi penduduk Cina di sini adalah bermiaga dan memasarkan produk hasil tempatan. Antara barang keluaran penduduk tempatan ialah asam keping, buah pinang dan isi kelapa kering yang dijual untuk pemprosesan minyak kelapa. Tinjauan penulis di sekitar Pekan Lama Merbok mendapati wujud sebuah rumah kedai lama yang suatu ketika dahulu pernah menjadi tempat memproses dan menjual asam keping. Rumah kedai lama ini milik Puan Tan Ah See. Beliau yang kini berusia 74 tahun menyatakan bahawa rumah kedai tersebut dianggarkan telah berusia 60-70 tahun. Perkara ini dapat dibuktikan apabila tiada engsel besi yang digunakan pada pintu rumah kedai tersebut seperti mana engsel pintu rumah kayu pada zaman sekarang.




Gambar 8.4: Rumah kedai warisan keluarga milik Puan Tan Ah See

Menurut beliau, bulan Mac dan April merupakan musim buah asam pada setiap tahun. Justeru, ramai penduduk termasuk beliau akan mula memproses buah asam pada bulan Mei sehingga Ogos setiap tahun. Buah asam akan dipotong dan dijemur di tempat lapang. Tinjauan penulis ke dalam rumah kedai tersebut mendapati masih terdapat peralatan lama yang digunakan untuk tujuan pemprosesan buah asam keping.



Gambar 8.5: Tiada engsel besi yang digunakan pada pintu hadapan rumah kedai



Gambar 8.6: Peralatan yang digunakan untuk memproses buah asam keping



Gambar 8.7: Tempat menjemur asam keping

Selepas berakhir musim buah asam, Puan Tan Ah See akan meneruskan kerja dengan memproses isi kelapa kering. Kelapa kering ini akan diproses untuk dijadikan minyak kelapa. Hal ini adalah kerana pada zaman tersebut, minyak kelapa sawit masih belum wujud. Menurut Lim (temubual peribadi, 27 September 2014), keluarga beliau telah memulakan perniagaan menjual kelapa kering setelah ayahnya menjual ladang getah sebanyak 60 hektar di Pulau Pinang pada tahun 1956. Setiap minggu, sebanyak dua buah lori yang mengangkut kelapa kering akan dihantar ke Pulau Pinang untuk dijual kepada Encik Yeap Chor Ee, seorang tauke kaya di sana. Kini, Puan Tan Ah See dan Encik Lim Ah Kik tidak lagi mengusahakan perniagaan buah asam dan kelapa kering. Walaupun masing-masing telah berusia, Puan Tan Ah See masih mengusahakan tanaman padi manakala Encik Lim Ah Kik menjual sayur.

Selain daripada menjual asam keping, buah pinang dan kelapa kering, terdapat juga penduduk yang membuka kedai kopi. Menurut Lim (temubual peribadi, 27 September 2014), memandangkan hanya kaum Cina sahaja yang membuka kedai kopi, maka perhubungan orang Melayu dan Cina pada masa tersebut boleh dikatakan sangat baik. Pada zaman tersebut, ramai orang Melayu akan pergi minum dan makan sambil berborak-borak di kedai kopi milik kaum Cina. Di samping itu, terdapat juga penduduk yang membuka kedai runcit, menjual ikan kering dan menjual biskut. Encik Boo Choo Wah, salah seorang penduduk Cina generasi ketiga di Pekan Merbok mempamerkan lesen perniagaan menjual ikan kering yang tertera tahun 1968 kepunyaannya keluarga beliau. Sepertimana beliau, penulis juga masih belum dapat merungkai maksud M.M.T.M yang tertera di lesen perniagaan tersebut.

Sehingga kini, sebahagian penduduk Cina di Pekan Merbok masih menjalankan aktiviti perniagaan seperti membuka kedai runcit, kedai barang hardware dan kedai pakaian sebagai punca pendapatan keluarga mereka.

“Faktor penolak seperti keadaan politik dan sosial di negara China merupakan punca utama penghijrahan beramai-ramai kaum Cina terutamanya dari wilayah China Selatan seperti Guangdong, Guangxi dan Fujian ke Tanah Melayu sehingga sanggup meninggalkan isteri dan anak-anak.”



Gambar 8.8: Tempat memanggang isi kelapa



Gambar 8.9: Lesen perniagaan pada tahun 1968



Gambar 8.10: Pemandangan di Pekan Merbok

PENDIDIKAN: ‘BIAR MISKIN KEHIDUPAN, JANGAN MISKIN PENDIDIKAN’

Kaum Cina amat mementingkan pendidikan. Berpegangkan kepada prinsip ‘biar miskin kehidupan, jangan miskin pendidikan’, penubuhan sekolah pendidikan Cina merupakan perkara pertama yang dilakukan setelah mereka sampai di Tanah Melayu. Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina Sin Hwa merupakan satu-satunya sekolah rendah pendidikan Cina yang masih kekal sehingga sekarang di Pekan Merbok. Sekolah ini telah ditubuhkan pada tahun 1946, hasil daripada gabungan dua buah sekolah pendidikan Cina, iaitu Sekolah Zhen Hwa dan Sekolah Pei Hwa.




Gambar 8.11: Gabungan daripada dua buah sekolah pendidikan Cina menjadi SJK (C) Sin Hwa

Berdasarkan temubual dengan Liew (temubual peribadi, 27 September 2014), kedua orang tua beliau ada menceritakan bahawa satu perselisihan faham telah berlaku antara Encik Chen Shuan An dan juga Encik Liao Jia ketika di Tanah Besar China dan telah berlanjut sehingga ke Tanah Melayu. Akibatnya, kedua-dua perintis Pekan Lama Merbok ini telah membawa haluan dan membina penempatan masing-masing ketika tiba di Pekan Lama Merbok, Kedah. Semangat yang tinggi dalam bidang pendidikan telah menyebabkan kedua-dua perintis ini telah membuka sekolah masing-masing. Sekolah Zhen Hwa telah diasaskan oleh Encik Chen Shuan An pada tahun 1928. Beliau berasal dari Fujian manakala Sekolah Pei Hwa telah ditubuhkan oleh Encik Liao Jia yang berasal dari Guangdong pada tahun 1929.



Gambar 8.12: Mendiang Encik Chen Suan An,
pengasas Sekolah Zhen Hwa



Gambar 8.13: Mendiang Encik Liao Jia,
pengasas Sekolah Pei Hwa

Ketika Perang Dunia ke-2 berlaku, tentera Jepun telah menakluki selatan Tanah Melayu. Pada zaman penaklukan tentera Jepun, semua sekolah di Tanah Melayu telah diarahkan tutup termasuklah kedua-dua buah Sekolah Zhen Hwa dan Sekolah Pei Hwa. Selepas berakhirnya Perang Dunia Ke-2, kebanyakan penduduk yang amat mementingkan pendidikan mulai risau anak-anak tidak dapat bersekolah. Justeru, Encik Chen Shuan An dan Encik Liao Jia dengan para pengikut mereka telah mengadakan mesyuarat bersama-sama. Kata sepakat telah dicapai untuk menggabungkan kedua-dua buah sekolah tersebut supaya menjadi sebuah sekolah sahaja.

Pada awal tahun 1946, Sekolah Sin Hwa telah ditubuhkan di Pekan Lama Merbok. Pada zaman pembukaan Sekolah Sin Hwa ini, hanya terdapat kemudahan asrama dan peralatan sekolah yang asas sahaja. Sekolah ini dipengerusikan oleh dua orang pengasas utama, iaitu Encik Chen Shuan An dan Encik Liao Jia. Encik Chen Shuan An telah memegang jawatan penggerusi semenjak dari Sekolah Zhen Hwa sehingga ke penubuhan Sekolah Sin Hwa selama 44 tahun. Beliau telah bersara pada tahun 1972 manakala Encik Liao Jia telah memegang jawatan penggerusi dan timbalan penggerusi selama 28 tahun semenjak dari 1929 sehingga tahun 1957. Orang Cina sangat menyayangi kedua-dua pengasas utama Sekolah Sin Hwa ini kerana mereka berdua sangat bersemangat dalam bidang pendidikan Cina, sanggup mengeluarkan duit sendiri dan bekerja keras untuk mengekalkan sekolah tersebut. Semangat mengutamakan pendidikan ini telah menyebabkan Sekolah Sin Hwa mendapat banyak sokongan daripada pihak luar dan mampu bertahan sehingga sekarang.

Pada awal tahun 1953, pihak Inggeris telah mengarahkan semua penduduk Cina termasuklah Sekolah Sin Hwa di Pekan Lama Merbok untuk berpindah ke Kampung Baru Merbok. Perpindahan ini telah menyebabkan murid-murid sekolah terpaksa berhenti belajar selama 1 tahun disebabkan tiada kemudahan asrama pada masa tersebut. Masalah ini telah dapat diatasi hasil usaha Encik Chen Shuan An. Beliau telah memohon kebenaran daripada setiausaha wakil rakyat Cina, iaitu Encik Wei De Mei untuk membuka sekolah sementara bertempat di dewan Kampung Baru Merbok. Memandangkan tedapatnya pertambahan murid dari semasa ke semasa, Encik Wei De Mei memohon dana sebanyak RM10,000 daripada pihak kerajaan untuk membuka sekolah baharu. Pada masa yang sama, Encik Liao Jia telah membentuk satu kumpulan sukarelawan untuk memohon derma membina sekolah baharu daripada pihak luar dan telah berjaya mengumpul sebanyak RM7,000. Pada tahun 1956, sekolah berasrama baharu telah siap dibina.

Pada tahun 1958, nama Sekolah Sin Hwa telah ditukarkan menjadi Sekolah Rendah Cina Standard Sin Hwa untuk diselaraskan dengan dasar pendidikan baharu. Pada tahun tersebut juga, pihak sekolah telah meminta elauan daripada pihak kerajaan. Permohonan tersebut telah tertangguh dan hanya mendapat kelulusan pada tahun 1960. Pada tahun yang sama juga, nama Sekolah Rendah Cina Standard Sin Hwa telah ditukarkan sekali lagi menjadi Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina Sin Hwa. Pada tahun tersebut, semua sekolah telah menyediakan pendidikan percuma kepada murid-murid bagi meringankan beban keluarga miskin. Bermula tahun 1964, undang-undang pendidikan telah mengehadkan umur murid-murid untuk ke sekolah.

Pada tahun 1965, pihak sekolah telah mendapat dana sebanyak RM6,000 dari Kementerian Pendidikan untuk membina sekolah. Pihak sekolah telah menggunakan dana tersebut untuk membina sebuah bilik guru dan sebuah bilik darjah. Pada tahun berikutnya, pihak sekolah menerima dana sebanyak RM5,000 untuk membesarkan kantin sekolah dan memasang siling sekolah. Setelah tiga tahun tiada peruntukan dana diterima, pada awal tahun 1969, pihak sekolah dengan diketuai oleh pengarah-pengarah sekolah seperti Encik Wang Wen He dan juga Encik Chen Shuan An bersama-sama dengan guru besar sekolah giat berusaha untuk memohon dana daripada pihak kerajaan bagi membina sekolah berasrama dua tingkat. Pihak sekolah berjaya mendapat dana sebanyak RM28,000 daripada Encik Wang Pao Ji, Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Kedah pada masa tersebut dengan perakuan daripada mantan Menteri Pendidikan, Dr. Khair Johari. Maka pada awal tahun 1972, sekolah berasrama dua tingkat telah siap dibina. Sekolah berasrama ini mempunyai 4 bilik darjah, tandas lelaki, tandas perempuan, bilik guru, tandas guru, bilik mesyuarat, stor dan lain-lain. Tahun demi tahun, sekolah ini telah mendapat banyak dana daripada pihak kerajaan untuk membangunkan sekolah.

Pada tahun 1988, ahli keluarga mendiang Encik Cao Shou Chan, salah seorang pengurus sekolah telah menyumbangkan RM5,000 untuk pembinaan dewan sekolah. Bagi mengenang jasa beliau terhadap sekolah, dewan tersebut telah dinamakan sebagai Shou Chan Tai yang bermaksud Dewan Shou Chan. Pembinaan dewan ini telah memudahkan pihak sekolah untuk menjalankan aktiviti sekolah. Pihak sekolah juga telah memberikan kebenaran kepada orang kampung untuk meminjam dewan bagi menjalankan aktiviti seperti jamuan perkahwinan dan sebagainya. Selepas 20 tahun kemudian, ahli keluarga mendiang sekali lagi menyumbangkan wang tunai sebanyak RM3,000 untuk membesarkan dewan tersebut.

Kini, ramai orang Cina telah berhijrah ke bandar disebabkan kekurangan peluang pekerjaan dan tiada perkembangan di Pekan Merbok. Secara tidak langsung, penghijrahan ini telah menyebabkan bilangan murid-murid sekolah menjadi kurang. Justeru, pihak Persatuan Ibu bapa dan Guru (PIBG) telah berusaha untuk menarik masuk murid-murid Melayu dan India untuk belajar di sekolah tersebut. Sehingga tahun 2013, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina Sin Hwa mempunyai 59 orang murid, 29 orang daripadanya merupakan murid Melayu dan India, 12 orang guru, seorang kerani, seorang pembantu pejabat, 3 orang pekerja am sekolah dan seorang pengawal sekolah. Demi mengekalkan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina Sin Hwa, pihak sekolah yakin bahawa mereka perlu membekalkan guru yang cukup supaya kebudayaan Cina dapat diwarisi kepada generasi seterusnya.

PERMATA DI PEKAN MERBOK: MENDIANG DATO' LEE SING CHOOI

Nama Pekan Merbok bukanlah suatu nama tempat yang asing di kalangan masyarakat Cina di seluruh Malaysia. Pekan Merbok yang jauh terletak di utara Semenanjung Malaysia ini telah berjaya melahirkan sebutir permata yang amat bernilai dan disanjungi oleh penduduk Cina di Pekan Merbok. Jasa dan sumbangan terhadap bidang pendidikan Cina dan juga Malaysian Chinese Association (MCA) telah menyebabkan Pekan Merbok yang suatu ketika dahulu tidak pernah didengari oleh orang luar telah menjadi terkenal di kalangan orang Cina di Malaysia. Beliau yang dimaksudkan ialah mendiang Dato' Lee Sing Chooi.

Mendiang Dato' Lee dilahirkan pada 19 Jun 1952 di Pekan Lama Merbok, beberapa bulan sebelum penduduk Cina diarahkan berpindah ke Kampung Baharu. Beliau merupakan generasi kedua penduduk Cina di Pekan Lama Merbok. Mendiang bapa beliau, iaitu Lee Xin Fu merupakan seorang migran dari Guangdong, wilayah Cina Selatan. Disebabkan faktor peperangan, mendiang bapa beliau telah membawa isteri pertama bersama tiga orang anak perempuan lari ke Asia Tenggara dan menumpang di rumah kakaknya di Sungai Petani, Kedah. Kerinduan kepada kaum keluarga telah menyebabkan mendiang Lee Xin Fu membawa anak dan isteri beliau pulang ke Shantou, Fencheng, China pada tahun 1937. Mendiang Lee Xin Fu juga telah mengambil seorang anak angkat lelaki. Walau bagaimanapun, kemunculan Kuomintang telah menyebabkan mendiang Lee Xin Fu sekali lagi melarikan diri berseorangan ke Sungai Petani, Kedah dan menetap bersama-sama dengan kakaknya. Pada tahun 1944, mendiang Lee Xin Fu melangsungkan perkahwinan kedua dengan ibu mendiang Dato' Lee. Dalam perkahwinan kedua ini, beliau telah dianugerahkan 10 orang cahaya mata, iaitu 7 orang lelaki dan 3 orang perempuan. Mendiang Dato' Lee merupakan anak ke-4 dari pada 10 orang adik-beradik, dan juga anak ke-8 daripada 14 orang adik-beradik.



Gambar 8.14: Jasa dan sumbangan mendiang Dato' Lee yang dibingkaikan untuk tatapan generasi Keluarga Dato' Lee



Gambar 8.15: Salasilah keluarga Dato' Lee

Pada zaman kanak-kanak, mendiang Dato' Lee merupakan seorang yang sangat pendiam. Berbeza dengan kanak-kanak yang sebaya dengan umur beliau, mendiang Dato Lee tidak gemar bermain, apatah lagi pergi menangkap ikan di tepi sawah. Sikap pendiam mendiang menyebabkan beliau tidak mahu ke sekolah sehingga beliau sanggup dipukul oleh ayah. Namun begitu, selepas setahun berlalu, minat beliau dalam bidang pendidikan mula terserlah. Mendiang Dato' Lee telah menunjukkan prestasi yang cemerlang dalam bidang akademik sepanjang persekolahan beliau di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Sin Hwa. Di samping itu, hasil bimbingan ayah mendiang, beliau juga amat mahir dalam seni kaligrafi Cina dan sering memenangi pertandingan tersebut. Mendiang juga sangat aktif dalam sukan ping pong dan sering mewakili sekolah dalam acara tersebut. Minat beliau dalam bersukan terus kekal sehingga beliau dewasa.

Dengan bantuan abang sulung beliau, mendiang Dato' Lee berjaya memasuki sekolah menengah rendah (kelas peralihan). Kecemerlangan mendiang Dato' Lee dalam bidang akademik berterusan termasuklah ketika zaman persekolahan menengah rendah beliau. Di samping itu, mendiang sangat berminat dalam bidang kesusasteraan dan kesenian Cina. Kemiskinan keluarga beliau tidak pernah menghalang minat beliau dalam kesusasteraan dan kesenian Cina kerana beliau sanggup berjimat-cermat dengan duit belanja sekolah untuk membeli surat khabar. Beliau juga menulis artikel pendek untuk dihantar ke editor surat khabar. Pada tahun 1975, beliau berjaya mendapat keputusan cemerlang dalam LCE. Keputusan LCE beliau mencatatkan sejarah dalam Kampung Baru Merbok. Keputusan LCE beliau mencatatkan keputusan LCE yang paling baik pernah dicapai oleh anak-anak penduduk Kampung Baru Merbok.

Keputusan SRP yang cemerlang telah melayakkan beliau untuk memasuki Sekolah Menengah Ibrahim di Sungai Petani dalam aliran Sains. Ketika zaman persekolahan menengah, mendiang Dato' Lee telah memegang jawatan pengawas, ahli jawatankuasa Persatuan Bahasa Mandarin dan juga aktif mewakili sekolah dalam acara sukan ping pong. Kehebatan beliau dalam bidang akademik terserlah apabila sekali lagi mendapat keputusan yang cemerlang dalam Peperiksaan Malaysian Certificate of Education (MCE) yang kini dikenali sebagai Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Keputusan peperiksaan MCE yang cemerlang telah melayakkan mendiang Dato' Lee memasuki Universiti Malaya dalam bidang Kejuruteraan Kimia. Kemiskinan keluarga tidak pernah melemahkan semangat beliau dalam bidang pendidikan. Sambil belajar, beliau mengajar kelas tambahan untuk menampung bayaran yuran dan kehidupan sehari-hari beliau. Beliau juga berjimat-cermat dengan wang pinjaman yang diperoleh daripada Persatuan Nanjing dan juga sumbangan dari Keluarga Guo sehingga beliau tamat dalam pengajian di Universiti Malaya.

Mendiang Dato' Lee memulakan kerjaya pertama beliau sebagai guru sambilan sekolah menengah. Kemudian, beliau telah ditawarkan jawatan jurutera di Syarikat Colgate Palmolive. Beliau bersara pada tahun 2007. Pada tahun 1981, beliau telah berkahwin dengan rakan sekelasnya dan dikurnikan 2 orang cahaya mata, iaitu seorang lelaki dan seorang perempuan. Atas sumbangan beliau dalam bidang pendidikan Cina, beliau telah dianugerahkan gelaran Tun Dato' daripada Sultan Selangor pada tahun 2000. Pada tahun 2007, beliau telah dikurniakan gelaran Dato'. Pada 9 Disember 2008, beliau telah meninggal dunia pada usia 56 tahun.

GALERI KELUARGA LEE

Galeri Keluarga Lee telah ditubuhkan pada tahun 2009 bagi menunaikan hasrat mendiang Dato' Lee. Mendiang Dato' Lee pernah berhasrat untuk membuka sebuah galeri yang dapat menempatkan maklumat Keluarga Lee supaya generasi muda Keluarga Lee dapat mengetahui genealogi keluarga mereka. Justeru, bagi menunaikan hasrat dan mengenangkan jasa serta sumbangan mendiang Dato' Lee terhadap bidang pendidikan dan masyarakat Cina, galeri ini telah ditubuhkan oleh adik-beradik mendiang di rumah lama keluarga mereka di alamat 14, Pekan Lama Merbok. Proses pembinaan galeri ini menelan belanja sekitar RM20,000 dan mengambil masa selama setahun untuk menyiapkannya. Galeri ini menempatkan pelbagai maklumat termasuklah kisah perjalanan hidup beliau sepanjang 56 tahun dan juga buku genealogi Keluarga Lee.




Gambar 8.16: Galeri Keluarga Lee di Pekan Merbok



Gambar 8.17: Kisah perjalanan hidup mendiang Dato' Lee dari tahun 1952-2008

Penghasilan buku genealogi Keluarga Lee merupakan antara sumbangan terbesar mendiang Dato' Lee kepada masyarakat Cina. Penghasilan buku tersebut telah membolehkan mereka yang memiliki nama keluarga Lee mencari susur galur keturunan mereka. Pencarian genealogi Keluarga Lee ini merupakan hasrat mendiang ayah beliau yang mahu membawa pulang susur galur Keluarga Lee ke Malaysia. Justeru, bagi menunaikan hasrat mendiang ayah beliau, pada tahun 2007, beliau telah membawa abang sulung dan adik lelakinya yang keenam menziarahi kakak mereka di Guangzhou, China. Bak kata pepatah, sambil menyelam minum air, di samping menziarahi ahli keluarga di China, tujuan utama mereka adalah melengkapkan salasilah keluarga datuk moyang mereka untuk dibawa pulang ke Malaysia. Usaha beliau membawa hasil apabila berjaya melengkapkan salasilah Keluarga Lee dan secara tidak langsung dapat menunaikan hasrat mendiang ayah beliau untuk mencari asal usul keturunan mereka.



Gambar 8.18: Buku genealogi Keluarga Lee



Gambar 8.19: Adik mendiang Dato' Lee menunjukkan ringkasan buku genealogi Keluarga Lee yang dipamerkan di galeri

Pada masa kajian ini dijalankan, terdapat 106 generasi Keluarga Lee, dan keluarga mereka merupakan generasi ke-106 (Lee, temubual peribadi, 11 November 2014). Sehingga kini, buku genealogi Keluarga Lee telah menjadi rujukan utama kepada kaum Cina yang mempunyai nama keluarga Lee yang sama untuk mencari salasilah keturunan keluarga mereka. Tidak dapat dinafikan, Galeri Keluarga Lee telah menjadi kebanggaan penduduk Merbok sehingga sekarang.

Maklumat lanjut berkaitan Galeri Keluarga Lee ini boleh didapati di laman web leemerbok.com.



Gambar 8.20: Galeri Keluarga Lee sentiasa menerima kunjungan pelawat termasuklah pelawat luar dari Kedah

KESIMPULAN

Kedatangan orang Cina telah membawa perubahan besar kepada Tanah Melayu. Perniagaan yang wujud seperti bermiaga kedai kopi bukan sahaja dapat menaikkan ekonomi Tanah Melayu, bahkan telah mengeratkan perpaduan antara kaum Melayu, Cina, dan India pada masa tersebut yang agak sukar untuk dilihat pada zaman kini. Selain itu, tidak dapat dinafikan, kaum Cina amat mementingkan pendidikan sejak zaman dahulu lagi. Bagi mereka, ‘biar miskin kehidupan, jangan miskin pendidikan’. Semangat cinta akan ilmu pendidikan dapat dilihat dengan penubuhan dua buah sekolah pendidikan Cina selepas kemasukan mereka ke Pekan Lama Merbok. Persoalannya, adakah pelajar-pelajar Melayu pada zaman sekarang menghargai usaha kerajaan yang telah memberikan hak keistimewaan orang Melayu dalam bidang pendidikan? Pastinya peluang keistimewaan sebegini tidak akan dilepaskan oleh kaum Cina, yakni, suatu perkara yang harus diteladani oleh kebanyakan remaja kini yang leka dalam pembelajaran. Tidak dapat dinafikan, Pekan Merbok berjaya melahirkan sebutir permata yang bersinar sehingga terkenal di kalangan orang Cina di seluruh Malaysia. Beliau ialah mendiang Dato’ Lee Sing Chooi, seorang tokoh pendidikan Cina yang amat disanjungi oleh kaum Cina di Pekan Merbok.

Harapan penulis semoga usaha mencari sejarah sesuatu tempat dapat merungkai sebuah kisah keringat emas yang lain agar dapat dijadikan panduan untuk generasi akan datang.

RUJUKAN

Abdul Karim, M. (2009). Sejarah British di Tanah Melayu. Retrieved from http://mohdkarimassigmentbloggerscom.blogspot.com/2009_10_01_archive.html

Tan, Z. K. (2013). Sejarah kedatangan kaum Cina yang orang Melayu perlu tahu. Retrieved from <http://mymassa.blogspot.com/2013/05/sejarah-kedatangan-kaum-cina-yang-orang.html>

BIBLIOGRAFI

Chen, M. C.(2013). Penubuhan Sekolah SJK (C) Sin Hwa: Ulangtahun ke 68. Merbok.

MAKLUMAT RESPONDEN



Lim Kim Seau @ Lim Kim Siew merupakan penduduk tertua di Merbok sekarang. Beliau berasal dari Fujian, wilayah China Selatan. Dilahirkan pada tahun 1931, beliau kini telah berusia 84 tahun dan merupakan generasi kedua penduduk Pekan Merbok. Ibu bapa beliau telah berhijrah dari negara China ke Tanah Melayu dan menetap di Sungai Petani. Beliau telah berkahwin pada tahun 1952, pada usia 22 tahun dan menetap di Pekan Lama Merbok. Beliau telah dikurniakan 8 orang cahaya mata. Beliau merupakan seorang suri rumahtangga manakala suaminya seorang peniaga, iaitu menjual produk/hasil tempatan seperti asam, pinang, kelapa/kelapa kering.



Tan Ah See merupakan generasi kedua di Pekan Merbok. Beliau dilahirkan pada tahun 1941 dan kini telah berumur 74 tahun. Beliau yang berasal dari Guandong, wilayah China Selatan merupakan satu-satunya pemilik kedai Cina yang masih beroperasi di Pekan Lama Merbok. Kedai milik beliau yang diusahakan sejak dahulu dianggarkan telah berusia lebih kurang 60-70 tahun. Kedai beliau memproses dan menjual asam.



Lim Ah Kik berusia 68 tahun, dilahirkan di Merbok pada tahun 1946. Beliau merupakan generasi kedua di Pekan Merbok. Beliau berasal dari Fujian, wilayah China Selatan. Ibu bapanya datang dari negara China pada umur belasan tahun. Beliau masih menjalankan perniagaan menjual sayur.



Liew Pi Ji berasal dari Guangdong, wilayah China Selatan. Beliau dilahirkan pada tahun 1943, dan kini telah berumur 72 tahun. Beliau merupakan salah seorang ahli lembaga pengarah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina Sin Hwa.



Lee Cheng Wen merupakan adik lelaki ketujuh kepada mendiang Dato' Lee. Beliau berumur 55 tahun dan kini menetap di Bandar Laguna Merbok, Kedah. Beliau mempunyai dua buah perniagaan, iaitu kedai perabot dan elektrik di Jeniang, Kedah.



Boo Choo Wah merupakan salah seorang ahli lembaga pengarah SJK (C) Sin Hwa. Beliau merupakan generasi ketiga penduduk Pekan Merbok.

“Jasa dan sumbangan terhadap bidang pendidikan Cina dan juga Malaysian Chinese Association (MCA) telah menyebabkan Pekan Merbok yang suatu ketika dahulu tidak pernah didengari oleh orang luar telah menjadi terkenal di kalangan orang Cina di Malaysia.”

Kedah Darul Aman yang kaya dengan pelbagai khazanah sejarah perlu diterokai bukan sahaja dari aspek arkeologi tetapi juga sosioekonomi serta lain-lain aspek kehidupan. Merbok dan Gunung Jerai yang merupakan dua kawasan utama yang menyumbang kepada banyak petunjuk kewujudan asal negeri Kedah sudah pastinya turut mempunyai rahsia kehidupan masyarakat yang akan terkubur jika tidak didokumentasikan. Sehubungan itu, kompilasi bab di dalam buku ini merupakan suatu usaha untuk memastikan cara hidup, pembangunan penempatan dan juga nilai-nilai murni masyarakat terdahulu di kedua-dua kawasan tersebut dapat dicatat dan disimpan di persada sejarah. Catatan dan simpanan ini merupakan peninggalan yang tidak ternilai harganya bagi menjamin kesinambungan aspek kehidupan masyarakat di negara ini.

